



Headline: JSJK kenal pasti ciri individu dijadikan keldai akaun
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 19 January 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 55

JSJK kenal pasti ciri individu dijadikan keldai akaun

➔ Sindiket penipuan sasar orang lembam, penagih, pesara, penganggur

Oleh **Hasbi Sidek**
cnews@nstp.com.my

▀ Kuala Lumpur

Orang lembam, penagih dadah, pesara dan penganggur antara ciri individu yang dikesan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman menjadi keldai akaun untuk sindiket penipuan.

Dapatan itu hasil Ops Mule Account yang dijalankan serentak di seluruh negara selama tiga minggu bermula 10 Disember lalu yang berjaya menahan 145 keldai akaun berusia 19 hingga 63 tahun.

Pemangku Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk Saiful Azly Kamaruddin, berkata Ops Mule Account itu menyasarkan pemilik akaun yang dikesan terbabit dengan jenayah telekomunikasi, perbankan dalam talian, macau scam dan pinjaman tidak wujud.

Menerusi operasi ini, katanya, polis menahan 145 individu, terdiri daripada 90 lelaki dan 55 wanita

yang berusia dari 19 hingga 63 tahun.

"Hasil soal siasat, kami mendapati antara ciri individu yang disasarkan menjadi keldai akaun ialah mereka yang mempunyai rekod lampau dengan bank, individu yang sedang mencari pekerjaan, penagih dadah, tiada pekerjaan tetap, suri rumah atau pesara, penuntut kolej, orang kelainan upaya (OKU) lembam dan pekerja sosial.

145 individu ditahan

"Golongan ini dijadikan sasaran berikutan keinginan mereka mendapatkan wang dengan senang serta pantas selain tidak mempunyai pendapatan tetap, terdesak mahu menggunakan wang dan terpedaya," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat JSJK Bukit Aman di Menara KPJ, di sini, semalam.

Saiful Azly berkata, antara alasan mereka menjadi keldai akaun adalah kerana pernah membuat pinjaman dengan along, berkenalan dengan individu tidak dikenali melalui laman sosial, urus niaga

NASIHAT PDRM

- **Jangan** dedahkan maklumat bank dan maklumat peribadi lain
- **Jika ada** jumlah tertentu dimasukkan ke akaun bank tanpa diketahui daripada mana, segera semak dengan bank
- **Jika ada** pihak menghubungi dan memaklumkan ada berlaku kesilapan pindahan wang, dan minta anda lakukan pindahan balik, jangan lakukan
- **Jangan** terima tawaran untuk bantu pindahkan wang ke akaun tertentu
- **Jangan** sesekali serah kad ATM, nombor pin dan akses perbankan internet kepada pihak lain

dalam talian, kehilangan dompet yang mempunyai maklumat bank, terbabit urus niaga sewa kad ATM dan diperdaya sindiket.

"Justeru, saya meminta kepada semua pemilik akaun agar tidak terjebak menjadi keldai akaun dengan membenarkan individu lain menggunakan akaun anda untuk memasukkan duit dalam jumlah yang banyak sebelum memindah keluar wang berkenaan.

"Pihak bank boleh mengesan transaksi berkenaan. Pemilik akaun yang didapati terbabit boleh disiasat mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksaan (KK), Seksyen 414 KK, Seksyen 424 KK, Seksyen 29 (1) Akta Kesalahan Kecil serta Pelanggaran Terma dan Syarat Pembukaan Akaun Bank," katanya.



Saya meminta kepada pemilik akaun tidak terjebak menjadi keldai akaun dengan membenarkan individu lain menggunakan akaun anda"

Saiful Azly Kamaruddin,
Pemangku Pengarah
JSJK Bukit Aman

MODUS OPERANDI SINDIKET KELDAI AKAUN

- ➔ **Mangsa** menyerahkan kad ATM dan nombor pin kepada sindiket dengan beberapa tujuan seperti kononnya membantu urusan perniagaan.
- ➔ **Mangsa** menyerahkan kad ATM dan nombor pin kepada pemberi pinjaman haram atau Ah Long dengan tujuan kononnya untuk membuat potongan bayaran bulanan.
- ➔ **Mangsa** buat pengiklanan penjualan barang menerusi internet dan 'pembeli menggunakan akaun milik suspek untuk memasukkan wang curi dari mangsa lain.
- ➔ **Menggunakan kad ATM** dan butiran peribadi daripada hasil ragut atau samun dompet/telefon bimbit, kebanyakan mangsa tidak membuat laporan polis setelah kehilangan barangan berkenaan.
- ➔ **Menawarkan kepada** mangsa menerusi laman media sosial perkhidmatan sewa kad ATM dan akaun bank kononnya untuk tujuan perniagaan.
- ➔ **Mangsa diberikan** bayaran sebanyak RM100 sehingga RM300 untuk setiap kad yang disewa dan RM250 hingga RM550 untuk kad yang dijual.
- ➔ **Mangsa dipujuk** oleh rakan untuk memberikan kad ATM dan nombor pin dengan alasan menerima wang dari pihak ketiga.